**Bahagian A**
[20 markah]
Jawab **semua** soalan

1. Rububiyyah ialah percaya ____________

A. bahawa Allah SWT Maha Berkuasa
B. bahawa Allah SWT Maha Esa
C. bahawa Allah SWT Maha Bijaksana
D. bahawa Allah SWT Maha Mendengar

2. Orang yang beriman dengan tauhid uluhiyyah akan sentiasa _______________

A. Menyayangi Allah SWT
B. Meyakini kekuasaan Allah SWT
C. Menyembah dan mentaati Allah SWT
D. Mengingkari perintah Allah SWT

| X | Y |
|---|---|
| Boleh dimanfaatkan oleh manusia | Untuk menguji tahap keimanan manusia |
| Boleh difikirkan oleh akal manusia | Memerlukan wahyu untuk menerangkannya |

3. Berdasarkan jadual di atas, X dan Y merujuk kepada :

A. Alam Nyata, Alam Musyahadah
B. Alam Ghaib, Alam Nyata
C. Alam Ghaib, Alam Musyahadah
D. Alam Musyahadah, Alam Ghaib

- Mengawal suhu dan cuaca bumi
- Mengekalkan keindahan alam sekitar
- Menjadik an hidup manusia lebih tenteram dan nyaman

4. Pernyataan di atas berkenaan ;

A. Hikmah memelihara alam
B. Punca kerosakan alam
C. Cara memulihara alam
D. Tanggungjawab terhadap alam

5. Bukti Al-Quran wahyu terakhir

I. tidak boleh berubah
II. terpelihara sehingga ke hari kiamat
III. menerangkan perkara samiyat
IV. terhenti penurunannya selepas kewafatan nabi

A. I ,II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II,III dan IV

6. Pernyataan di atas merujuk kepada agama

A. Islam
B. Yahudi
C. Nasrani
D. Budaya

7. Antara berikut manakahyang menunjukkan maksud hadis?

A. Pengakuan Rasulullah SAW. terhadap perbuatan sahabat atau orang lain dihadapan baginda SAW
B. Sesuatu yang diterima daripada Rasulullah SAW sama ada berupa perkataan, perbuatan atau pengakuan.
C. Sesuatu yang dijadikan hujah nabi sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan
D. Pengakuan Rasulullah SAW terhadap sesuatu perkara untuk dijadikan hujah

8. Antara berikut yang manakah bukan prinsip Rabbaniyyah

I. Islam menjamin hak asasi manusia
II. Islam adalah agama yang diwahyukan Allah s.w.t.
III. Islam dan seluruh makhluk adalah hak milik Allah s.w.t.
IV. Islam menekankan keseimbangan hidup di dunia dan di akhirat

A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

9. Antara bukti Islam bersifat Alamiyyah dalam bidang sosial ialah

A. setiap amalan akan diberi balasan
B. membela kebenaran dan menentang kebatilan
C. setiap kerja dikira ibadat jika mengikut syarat-syaratnya
D. kebebasan mengamalkan agama dan budaya masing-masing

- berdasarkan kepada al-Quran dan al-Hadis
- Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar
- Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan

10. Pernyataan di atas merujuk kepada;

A. Ciri-ciri negara Islam
B. Sistem negara Islam
C. Elemen negara Islam
D. Matlamat negara Islam

11. Antara tanggungjawab hakim adalah

I. Tidak menjatuhkan hukuman ketika marah
II. Mencari saksi dan bukti yang sah
III. Menjatuhkan hukuman tanpa ragu-ragu kepada pesalah.
IV. Membebaskan tertuduh jika terdapat sebarang keraguan.

A. I ,II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II,III dan IV

12. Salah satu matlamat sistem sosial Islam adalah untuk merealisasikan _______________ sosial.

A. kemuliaan
B. keharmonian
C. keadilan
D. keutuhan

13. Harta yang diperoleh disebut sebagai amanah Allah kerana

I. Tidak mahu manusia terlalu sombong dengan harta yang dimiliki
II. Ingin manusia menguruskan sumber harta dengan sebaik-baiknya
III. Tidak mahu manusia berusaha bersungguh-sungguh mencari harta
IV. Tidak mahu harta digunakan secara membazir

A. I ,II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II,III dan IV

14. Apakah kesan yang dihadapi oleh masyarakat jika memperoleh harta secara haram?

I. Harta tidak diberkati Allah s.w.t
II. Masyarakat tidak bersatu padu
III. Berlaku penindasan dan penipuan dalam masyarakat
IV. Hilang rasa hormat dalam kalangan masyarakat

A. I ,II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II,III dan IV

15. Manusia diberi kebebasan untuk memiliki harta kerana

I. Itulah fitrah manusia
II. Telah bersusah payah mencari harta
III. Harta perantaraan bagi kebahagiaan hidup
IV. Menggalakkan manusia bekerja bersungguh-sungguh

A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

16. Manakah ciri-ciri muamalah Islam

I. Memberi manfaat kepada kedua-dua pihak
II. Membebankan golongan tertentu
III. Redha antara kedua-dua pihak
IV. Adil kepada semua pihak

A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

| |
|---|
| Kegiatan muamalah Islam mengutamakan konsep ta`awun |

17. Kenyataan manakah menerangkan konsep tersebut **kecuali**

A. Penyewa rumah dapat membantu orang lain mengikut kemampuannya
B. Semangat ta`awun akan berkembang dalam masyarakat
C. Masyarakat membantu pembeli mendapatkan keperluan harian
D. Pemegang gadai dapat membantu orang yang dalam kesusahan

| |
|---|
| Memastikan setiap manusia dapat menikmati dan memenuhi keperluan hidup mengikut kewangan mereka |

18. Penerangan di atas merujuk kepada

A. Al-Musyarakah / al-Murabahah
B. Al-Ijarah / al-Bai` bithamanil ajil
C. Al-Mudharabah / al-Rahnu
D. Al-Wadiah / al-Takaful

19. Yang manakah antara berikut bukan ciri-ciri keunggulan perundangan Islam?

A. Jenayah berkurangan
B. Hukuman yang adil
C. Mendidik jiwa manusia
D. Hukuman bersifat memberikan pengajaran

- Perkara yang sangat digalakkan untuk dilakukan
- Tiada balasan diberikan kerana meninggalkannya

20. Pernyataan di atas merujuk kepada hukum

A. Sunat
B. Wajib
C. Haram
D. Makruh

**Bahagian B**
[20 Markah]

**Soalan 21 sehingga Soalan 24**
*Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan*

| PERNYATAAN | | JAWAPAN | |
|---|---|---|---|
| 21. | Perkara luar biasa yang berlaku kepada umat Islam tanpa dipelajarinya | | 1 |
| 22. | Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang bakal dilantik oleh Allah s.w.t. sebagai rasul | | 1 |
| 23. | Hukuman bagi kesalahan yang melibatkan kecederaan anggota tubuh badan dan nyawa | | 1 |
| 24. | Harta benda yang wajib diberikan kepada waris orang yang di bunuh sebagai ganti hukuman qisas | | 1 |

**Soalan 25 dan Soalan 26**

*Carta di bawah berkaitan dengan proses kejadian manusia menurut al-Quran*




Nyatakan peringkat X dan Y

25 P ialah : ______________________ [1]

26 Q ialah: ______________________ [1]

**Soalan 27 dan Soalan 28**

*Carta di bawah berkaitan jenis-jenis hadis.*




27. R ialah: _________________________ [1]

28. S ialah :__________________________ [1]

**Soalan 29 dan Soalan 30**

*Lengkapkan jadual berkaitan matlamat negara Islam berikut*

| **MATLAMAT NEGARA ISLAM** | |
|---|---|
| (29) ____________________________ | • Melaksanakan kebajikan |
| • Menegakkan hukum Allah | (30) ________________________________ |

**Soalan 31 dan Soalan 32**

*Lengkapkan carta di bawah berkaitan perundangan Islam*




31. T ialah: ________________________

32. U ialah :_________________________

**Soalan 33 hingga Soalan 36**

*Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.*

33. _______________ tidak layak menguruskan harta sehingga mencapai umur dewasa.

34. Golongan ______________ tidak mampu mengurus harta kerana tidak mampu menilai dengan sempurna.

35. Matlamat __________________ adalah untuk memudahkan kefahaman individu terhadap suruhan dan larangan Allah SWT.

36. Qadha diperlukan bagi menyelesaikan ________________ antara kedua belah pihak yang bertelagah

**Soalan 37 hingga Soalan 40**

*Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.*
*Tandakan ( ✗ ) pada pernyataan yang SALAH*

37. Kewujudan Alam Musyahadah bertujuan untuk menguji keimanan manusia. [ ] 1

38. Harta yang dikurniakan oleh Allah merupakan alat untuk menikmati kehidupan mengikut cara yang diingini [ ] 1

39. Murabahah bermaksud menjual barang dengan tambahan keuntungan [ ] 1

40. Mengamalkan sikap hormat menghormati dan berkasih sayang dalam keluarga mampu mengukuhkan keutuhan institusi perkahwinan [ ] 1

**~KERTAS SOALAN TAMAT~**

| **MARKAH BAHAGIAN B** |
| --- |
| |